

23 OCT 2001

Parlimen-Bahas

PELAN INDUK TEKNOLOGI MAKLUMAT PERLU DISEGERAKAN

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Pembentukan Pelan Induk Teknologi Maklumat (IT) perlu disegerakan bagi membolehkan negara menghadapi cabaran dalam industri itu, kata seorang penyokong kerajaan.

Datuk Ahmad Husni Hanadzlah (BN-Tambun) ketika mengemukakan cadangan itu berkata, kerajaan mampu merancang dan menggerakkan industri IT sekiranya pelan induk itu yang pernah dirancang sebelum ini dapat ditubuhkan dengan segera.

"Perkara-perkara seperti kadar celik komputer, peratus pemilikan komputer, penggunaan Internet, pelaksanaan IT dalam industri dan sektor awam serta kaedah mempercepatkan proses pemasaran perisian tempatan, akan dapat diperhatikan," katanya ketika membahaskan Belanjawan 2002 pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Kekurangan pakar IT tidak boleh dijadikan alasan menghalang perkembangan industri itu kerana pakar IT tempatan masih mampu memberi sumbangan kepada perkembangan industri IT menerusi projek modal teroka yang dikenal pasti oleh kerajaan, katanya.

Beliau mencadangkan kerajaan supaya menghantar golongan akademik dalam bidang IT mendalami pengetahuan dan pengalaman di luar negara khususnya di Lembah Silikon.

Universiti tempatan yang kurang menonjol dalam bidang IT menjadi antara faktor kesukaran negara melahirkan ramai tenaga pakar dalam bidang itu, katanya.

Mengenai kegagalan banyak projek IT termasuk E-Village yang didakwa Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman), Husni berkata, projek berkenaan masih di peringkat awal dan sukar untuk dibuat penilaian bahawa projek itu gagal.

Beliau bagaimanapun yakin projek IT termasuk E-Village mempunyai daya maju untuk berkembang pada masa akan datang.

Sementara itu Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) berkata, tindakan PAS mempolitikkan isu negara Islam telah mengelirukan rakyat serta mendorong segolongan umat Islam membenci dan memusuhi Umno dan Barisan Nasional.

"Lebih serius lagi sikap permusuhan sesama Islam yang disemarakkan oleh PAS kini mendorong kebangkitan apa yang dikenali sebagai Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang bercita-cita mewujudkan sebuah negara Islam di Malaysia menerusi kekerasan," katanya.

PAS pernah mendakwa dirinya sebagai parti yang "menentang sebarang bentuk keganasan dan unsur-unsur terrorist" tetapi bersikap sinis apabila kerajaan menahan beberapa anggota KMM di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

PAS perlu menyatakan pendiriannya terhadap KMM sama ada menyokong atau menentang kumpulan berkenaan, katanya.

Beliau juga berkata, PAS yang mendakwa Malaysia sebagai negara sekular tetapi baru-baru ini menerusi Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (PAS-Kuala Terengganu) ketika mengemukakan usul mengenai serangan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan mengakui Malaysia adalah negara Islam.

Kenyataan Ahli Parlimen Kuala Terengganu itu adalah satu kenyataan yang timbul daripada minda separa sedar, ini menunjukkan memang dalam pemikiran Ahli Parlimen Kuala Terengganu itu Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Ruhanie juga berkata ada pihak yang mengambil kesempatan atas kelonggaran peraturan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan menerbitkan

"akhbar-akhbar nyamuk" yang boleh membawa kepada perpecahan antara kaum, dalam kaum itu sendiri serta polarisasi kaum.

Beliau berkata akhbar berkenaan mempunyai tajuk yang berlainan setiap kali ia diterbitkan tetapi ia dihasilkan oleh pencetak yang sama.

"Saya meminta kerajaan memperketatkan syarat penerbitan ini. Ia bukan bertujuan untuk mengongkong kebebasan tetapi laporan seperti ini perlu bertanggungjawab," katanya.

Ruhanie berkata beliau difahamkan penerbitan yang tidak berkala tidak memerlukan kelulusan daripada KDN.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) mencadangkan supaya kerajaan berikhtiar untuk menjayakan dasar mempelbagaikan produk, eksport dan pasaran supaya tidak terlalu bergantung kepada minyak, komoditi dan produk elektronik.

Beliau berkata dalam sektor pelancongan pula kerajaan mestilah mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di destinasi pelancongan termasuk pusat maklumat supaya dapat mencapai matlamat lebih 12 juta pelancong setahun.

Katanya, dengan peruntukan Belanjawan 2001 sebanyak RM200 juta untuk aktiviti promosi sektor pelancongan, maklumat-maklumat penerangan pusat pelancongan perlu dipertingkatkan dan dikemaskini oleh Lembaga Pembangunan Pelancongan selain maklumat yang disediakan oleh pusat itu sendiri.

Hoo Seong Chang (BN-Kluang) berpendapat penggubal dasar dan pemimpin perdagangan di Asia perlu berwaspada ketika menghadapi keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang ini bagi mengelak timbulnya masalah lain.

Kejatuhan permintaan antarabangsa bagi eksport negara berkenaan akan membantutkan pertumbuhan ekonomi kebanyakan negara di rantau ini.

Beliau juga berkata, Kementerian Pendidikan perlu menggalakkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTs) mengembangkan kapasiti dengan membina kampus baru bagi menyediakan peluang pendidikan yang mencukupi kepada pelajar lepasan sekolah.

Peluang pendidikan di Insituti Pengajian Tinggi (IPT) untuk pelajar sekolah yang memperolehi keputusan cemerlang dalam pendidikan masih belum mencukupi seperti apa yang berlaku tahun ini apabila ramai pelajar gagal melanjutkan pengajian mereka ke IPT.

Sementara itu Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (PBS-Keningau) pula berkata, pengisytiharan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia merupakan negara Islam dan tidak memerlukan pindaan perlembagaan merupakan jaminan bahawa kerajaan akan terus membenarkan kebebasan beragama seperti yang diperuntukkan perlembagaan.

"Tidak menjadi kesulitan kerana keputusan itu (pengisytiharan negara Islam) memberi jaminan yang kebebasan beragama di Malaysia adalah kekal," katanya yang turut menyokong usaha kerajaan membendung keganasan menerusi agama.

Persidangan dewan disambung esok.

RZS RZS PR